

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI  
[TITIWANGSA]**

**TARIKH JAWAPAN : 4 NOVEMBER 2014 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan dalam laporan akhbar baru-baru ini, melaporkan sebanyak 4.27 bilion liter air terawat hilang setiap hari akibat saluran paip pecah, usang dan rosak. Malah dalam laporan 2013 pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga, menunjukkan peningkatan *Non-Revenue Water* (NRW) dari 36.4% pada 2012 kepada 36.6%, berikutan faktor yang sama. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan jumlah NRW.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menetapkan supaya setiap operator air mempunyai program penurunan kadar NRW yang sistematik. Program tersebut dilaksanakan mengikut jadual dan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan agar pengurangan kadar NRW di setiap negeri dapat mencapai sasarannya.
2. Antara langkah yang diambil untuk mengurangkan NRW ialah:
  - (i) memberikan fokus kepada program menurunkan kadar NRW yang melibatkan kehilangan komersial. Untuk tujuan itu, aktiviti-aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi membendung kes kecurian air melalui penyambungan haram telah ditingkatkan;
  - (ii) menubuhkan sebuah Pasukan Petugas atau ***Task Force NRW*** yang dianggotai oleh operator-operator air, agensi-

agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan untuk mengkaji semula, mengenalpasti serta menyeragamkan amalan-amalan terbaik (*best practices*) bagi mengurangkan NRW dengan berkesan;

- (iii) mensyaratkan supaya program pengurangan NRW yang dilaksanakan oleh operator-operator air dibuat dengan mewujudkan *District Metering Area* (DMA) dan *District Metering Zones* (DMZ), melaksanakan *Pressure and Demand Management, Active Leakage Detection and Leaks Repair*, menggunakan sistem bersepadu seperti *Supervisory Control Data Acquisition* (SCADA), *Geographic Information System* (GIS), sistem telemetri serta melaksanakan program penggantian paip usang.

Tuan Yang Dipertua,

3. Jumlah peruntukan yang diperlukan untuk menggantikan paip usang di seluruh negara adalah terlalu besar untuk ditampung melalui bajet pembangunan. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan skim penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air

negara supaya operator-operator air mendapat pembiayaan bagi pembangunan infrastruktur bekalan air termasuk penggantian paip usang, melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

4. Walaupun kebocoran paip-paip usang menjadi faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar air tidak berhasil atau *non revenue water* (NRW), terdapat faktor-faktor penyumbang yang lain seperti kerja-kerja penyambungan paip retikulasi yang tidak sempurna, meter uzur atau rosak, kecurian akibat sambungan haram dan penyelenggaraan sistem bekalan air yang tidak baik. Oleh itu, pendekatan yang menyeluruh dan holistik perlu dilaksanakan bagi memastikan kadar NRW dapat diturunkan dengan berkesan.

\*\*\*\*\*

**NO. SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7177**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes pembunuhan yang berlaku di Sibu, Miri, Kuching, Bintulu dari 2004-2014 mengikut kawasan masing-masing dan berapakah kes yang telah di selesai dan dihadapkan ke mahkamah serta langkah yang diambil oleh PDRM untuk meningkatkan kecekapan dalam menyelesaikan kes-kes pembunuhan di Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jenayah bunuh pada amnya sebagai “*non preventable crime*”, ini kerana terdapat pelbagai punca motif kejadian bunuh. Faktor-faktor berkenaan sukar untuk dikesan dan diambil tindakan pencegahan. Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam usaha untuk membanteras kes jenayah yang melibatkan pembunuhan.**

**Daripada risikan dan maklumat yang diperolehi, tujuan membunuh atau cubaan untuk membunuh disebabkan pelbagai motif, antara motif yang dikenalpasti adalah seperti berikut:-**

- 1. Aktiviti kongsi gelap/*thug gang***
- 2. Aktiviti dadah**
- 3. Selisih faham keluarga**
- 4. Samun/rompak/curi**
- 5. Hutang**
- 6. Selisih faham kerja**
- 7. Cuai**
- 8. Cemburu**
- 9. Belum pasti**

**Statistik kes pembunuhan yang berlaku di Sibu, Miri, Kuching dan Bintulu bagi tahun 2004 sehingga 2014 (Januari - September) seperti berikut:-**

**STATISTIK KES BUNUH DAERAH SIBU  
TAHUN 2004 - 2014 (JANUARI - SEPTEMBER)**

TAHUN	JUMLAH KES	KES SELESAI
2014 ( JAN - SEPT)	3	3
2013	13	4
2012	7	2
2011	5	4
2010	6	4
2009	8	7
2008	3	3
2007	11	7
2006	8	4
2005	7	3
2004	6	2
<b>JUMLAH</b>	<b>77</b>	<b>43</b>

**STATISTIK KES BUNUH DAERAH MIRI**  
**TAHUN 2004 - 2014 (JANUARI - SEPTEMBER)**

TAHUN	JUMLAH KES	KES SELESAI
2014 ( JAN - SEPT)	11	0
2013	8	1
2012	9	0
2011	7	7
2010	2	1
2009	6	4
2008	4	4
2007	2	0
2006	13	5
2005	10	7
2004	10	8
<b>JUMLAH</b>	<b>82</b>	<b>37</b>

**STATISTIK KES BUNUH DAERAH KUCHING**  
**TAHUN 2004 - 2014 (JANUARI - SEPTEMBER)**

TAHUN	JUMLAH KES	KES SELESAI
2014 ( JAN - SEPT)	3	2
2013	4	2
2012	6	4
2011	2	1
2010	8	4
2009	8	5
2008	8	3
2007	4	2
2006	7	4
2005	14	11
2004	8	4
<b>JUMLAH</b>	<b>72</b>	<b>42</b>

**STATISTIK KES BUNUH DAERAH BINTULU**  
**TAHUN 2004 - 2014 (JAN - SEPT)**

TAHUN	JUMLAH KES	KES SELESAI
2014 (JAN - SEPT)	4	0
2013	8	2
2012	3	0
2011	7	5
2010	3	3
2009	6	2
2008	7	2
2007	10	5
2006	9	4
2005	5	1
2004	3	2
<b>JUMLAH</b>	<b>65</b>	<b>26</b>

Pihak PDRM menyedari bahawa masyarakat sentiasa mengharapkan setiap kes jenayah yang dilaporkan dapat diselesaikan dan pihak yang melakukannya dapat dibawa ke muka pengadilan. Antara pendekatan yang telah diambil untuk meningkatkan tahap professional pegawai polis seperti berikut:-

- i) Tahap perkhidmatan polis akan dipertingkatkan dengan menyerapkan budaya kecemerlangan dan pembentukan akhlak luhur secara berterusan melalui kursus dan latihan dalam perkhidmatan yang diadakan secara dalaman dengan kerjasama intitusi-intitusi pengajian tinggi awam negara.
- ii) Menubuhkan Unit Siasatan Terkelas supaya siasatan dalam kes-kes bunuh dan lain-lain kes yang berprofil tinggi disiasat oleh kumpulan Pegawai Penyiasat yang profesional.
- iii) Keupayaan pasukan polis akan ditingkatkan dengan bantuan logistik yang mencukupi dalam operasi yang dilaksanakan serta dibekalkan dengan teknologi terkini dalam penguatkuasaan undang-undang di samping tahap profesionalisme pegawai Polis akan ditingkatkan untuk menjadikan pasukan polis yang bertaraf dunia dalam Perancangan Strategik PDRM.

- iv) **Keupayaan dan peralatan Bahagian Forensik PDRM akan dipertingkatkan memandangkan siasatan melalui kaedah DNA banyak membantu pegawai penyiasat menyelesaikan kes-kes jenayah.**